

NO. SOALAN : 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-
IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN :

YB. Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Tahun Melawat Malaysia 2014 berjaya. Apakah sasaran jumlah pelancong dan jumlah pendapatan dapat menemukan sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah mencatatkan ketibaan seramai **27,437,315 pelancong asing** pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 6.7% berbanding dengan tahun 2013 dengan ketibaan seramai **25,715,460 pelancong asing**. Manakala, dari segi pendapatan pelancongan pula, Tahun Melawat Malaysia 2014 telah mencatatkan sebanyak **RM72 bilion** iaitu merupakan peningkatan sebanyak 10% berbanding dengan tahun 2013 iaitu sebanyak RM65.4 bilion.

Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 telah pun berjaya mengekalkan momentum kedatangan pelancong asing ke negara ini disebalik beberapa insiden yang berlaku di luar kawalan seperti tragedi MH370, MH17, QZ8501, isu penculikan dan keselamatan perairan di Sabah serta kejadian banjir yang melanda beberapa buah negeri di Malaysia.

Sekian, terima kasih.